



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
KOD KURSUS : DSM3123/ DSM3183
PEPERIKSAAN : APRIL 2019
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:
BAHAGIAN A (50 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)


2. Bahagian A mengandungi **LIMA (5)** soalan manakala bahagian B mengandungi **DUA (2)** soalan. Calon dikehendaki menjawab semua soalan. Jawab dalam buku jawapan.

2. Calon tidak di benarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 4 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

a. Berikan takrifan keselamatan dan kesihatan dalam konteks tempat kerja.

(4 markah)

b. Jelaskan **tiga (3)** fungsi kerajaan dalam menjamin keselamatan dan kesihatan pekerja.

(6 markah)

SOALAN 2

a. Senaraikan **empat (4)** objektif penubuhan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

(4 markah)

b. Jelaskan mana-mana **tiga (3)** jenis Hazard Intrinsik.

(6 markah)

SOALAN 3

Jelaskan **lima (5)** peraturan yang terkandung dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

(10 markah)

SOALAN 4

Jelaskan **lima (5)** bentuk gangguan seksual yang sering berlaku di tempat kerja.

(10 markah)

SOALAN 5

a. Berikan **empat (4)** faedah amalan 5S dalam organisasi.

(4 markah)

b. Terangkan **tiga (3)** fasa bencana.

(6 markah)

[50 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan sahaja.

Jawab **SEMUA** soalan sahaja. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Mengapakah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 diwujudkan dalam mentadbir keselamatan dan kesihatan di tempat kerja?

(10 markah)

- b. Syarikat FAF Engineering merupakan sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti kejuruteraan yang berisiko kepada situasi kecemasan. Syarikat ini bakal beroperasi beberapa bulan lagi. Encik Fattah merupakan seorang Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Beliau telah diarahkan oleh pihak pengurusan untuk menyediakan pelan kecemasan dan pelan tindakan kecemasan bagi tujuan pemulihan untuk Syarikat FAF Engineering ini tetapi Encik Fattah tidak mempunyai pengalaman untuk menyediakannya. Berdasarkan situasi di atas, terangkan bagaimanakah cara untuk memberikan pemahaman kepada Encik Fattah berkaitan pelan kecemasan dan pelan tindakan kecemasan bagi tujuan pemulihan untuk syarikat beliau.

(15 markah)

SOALAN 2

- a. Jelaskan **lima (5)** kaedah yang boleh digunakan oleh pihak majikan untuk menangani masalah stres dalam kalangan pekerja?

(10 markah)

- b. Hazard ialah keadaan yang boleh mengakibatkan kemudaratan, kecederaan, dan kerosakan kepada pekerja. Bincangkan **lima (5)** kategori hazard di tempat kerja beserta contoh.

(15 markah)

[50 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

